

Gabungan Kementerian Pelajaran, KPT perlu kekal lama

KUALA LUMPUR - Penggabungan dua kementerian - Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) perlu dikekalkan untuk tempoh lebih lama bagi memastikan kesinambungan sistem pendidikan negara yang lebih berkualiti dan dinamik.

Menerusi penggabungan dua entiti itu juga, dasar pendidikan negara dipercayai mampu menandingi standard pendidikan antarabangsa dalam tempoh berbaki tujuh tahun ke arah mencapai Wawasan 2020, menjadikan Malaysia negara maju.

Pensyarah Kanan Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan Universiti Malaya, Dr Ghazali Darusalam berkata penggabungan itu perlu dikekalkan 10 hingga 15 tahun akan datang bagi melihat kesan lebih jelas dari segi pencapaian dan penambahbaikan sistem pendidikan yang perlu dilaksanakan.

"Idea penggabungan ini adalah sangat futuristik dalam memperjuang kelangsungan pen-

didikan negara, dan ia seharusnya dikekalkan di bawah satu bumbung memandangkan ia akan memudahkan pentadbiran melibatkan bidang pendidikan negara ini," katanya.

Menurutnya, kementerian yang digabungkan di bawah satu nama itu, perlu ditadbir urus dengan sistematik dan menyeluruh bagi memastikan pentadbirannya lebih tersusun.

Ghazali berkata melalui penggabungan itu, kerajaan mampu menjimatkan kos operasi dan memaksimumkan penggunaan sumber tenaga manusia dengan lebih efektif.

Katanya dalam usaha penambahbaikan sistem pendidikan negara, kementerian perlu menggalakkan guru supaya meningkatkan taraf pendidikan mereka dari Ijazah Sarjana kepada Sarjana kerana syarat kelayakan itu adalah standard yang digunakan negara-negara maju.

Beliau berkata, transformasi pendidikan yang mengandungi nilai pengantarabangsaan dengan mengambil contoh model sistem pen-

didikan negara maju perlu diaplikasi oleh kementerian dalam meningkatkan struktur kurikulum pendidikan dan pengajian tinggi.

"Setiap sekolah harus jadikan jurusan sains dan teknikal sebagai fokus utama, selain perkaasa bidang vokasional kerana ia adalah asas pendidikan bagi sesebuah negara maju," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Putra Malaysia Dr Ismi Arif Ismail berkata penggabungan itu akan memperkukuh pelaksanaan dua pelan pendidikan utama yang direncanakan kedua-dua kementerian sebelum ini iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dan Pelan Strategi Pengajian Tinggi Negara.

"Apabila pelan pendidikan ini dimurnikan, setiap unit akan berbincang dan berkomunikasi antara satu sama lain bagi memastikan pelaksanaannya itu berjalan lancar dan sempurna," katanya.

Beliau berkata audit pengurusan sumber

manusia perlu diwujudkan bagi memastikan tiada pertindihan tugas dan pegawai serta kakitangan kementerian dapat memainkan peranan masing-masing secara optimum.

"Maksudnya kerjasama mobiliti kakitangan akan berlaku dengan lebih agresif dan efektif sebab bila dah ada satu kementerian sahaja, contohnya, pensyarah di institut pengajian tinggi boleh berkongsi idea dengan guru sekolah," katanya.

Ismi Arif berkata kementerian juga perlu memberi penerangan dari semasa ke semasa berkenaan rasionalnya penggabungan ini kerana masyarakat Malaysia pastinya ingin melihat kemajuan dalam bidang pendidikan negara.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata penyeragaman struktur kedua-dua kementerian yang bertujuan meningkatkan kualiti pendidikan negara, dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh sebulan. - Bernama